

# **‘Yang Indah-Indah’: Bahasa dan Ideologi dalam Pantun Perbahasan Dewan Negara Mesyuarat Parlimen Ke-14**

*‘Yang Indah-Indah’: Language and Ideology in Discourse of Pantun of Dewan Negara 14th Parliament*

*Muhammad Qhidir bin Mat Isa\**

## **Abstrak**

Pantun merupakan kesenian sastra Melayu tertua menuntut kepada penciptaan ‘yang indah-indah’. Selain gatra ritma muzik yang harmoni, tingkah-meningkah yang jelas kedengaran, pantun bahkan padat dan transendental pada kiasan bagi menyampaikan maksud tertentu. Oleh sebab itulah, ahli politik cenderung memanfaatkan seni ini dalam wacana politik sebagai strategi diskursif untuk berbahas kerana pantun sifatnya ringkas tetapi menggoda, tepat, padat dan sangat mendalam kesan tujahannya. Kesan ini menjadikan pantun antara sumber penting untuk menjelaskan fenomena bahasa dan kuasa yang berlaku dalam perbahasan. Maka, kajian ini berobjektif untuk menjelaskan hubungan bahasa dan kuasa dalam bentuk-bentuk pantun serta menganalisis prinsip-prinsip yang menunjangi keindahan pantun diucapkan dalam teks Penyata Rasmi Parlimen Keempat Belas, Dewan Negara. Kajian ini mengaplikasikan model Analisis Wacana Kritis van Dijk khususnya skema *The Ideological Square* dan teori sastra iaitu Puitika Sastra Melayu (PSM). Rumusan mendapati, selain daripada fungsi prosedural pantun juga penting untuk membina polarisasi binari dengan penggunaan strategi diskursif seperti Pembuktian, Puji Diri, Ketermangsaan, Keterbebanan, Pengungkapan, Ilustrasi, Argumentasi, Generalisasi dan Metafora. Pantun-pantun yang dianalisis juga didapati secara relatif memenuhi keenam-enam prinsip ‘yang indah-indah’ berdasarkan teori PSM.

**Kata kunci:** Puitika Sastra Melayu, wacana Parlimen, analisa wacana politik, Dewan Negara.

---

\* Muhammad Qhidir bin Mat Isa ialah Pegawai Penerbitan di Parlimen Malaysia. E-mel: qhidirisa@parlimen.gov.my.

## Abstract

*As the oldest Malay literary art form, Pantun aspires to the creation of 'yang indah-indah'. In addition to the harmonious musical elements, vivid alternate rhymes that are both perceived, the beauty of a Pantun lies in its ability to convey deductive meanings using solid and transcendental allegory. For this reason, politicians are inclined to make use of this art form as a discursive strategy in political discussions despite its brevity due to its accurate, concise, and captivating quality and its deep effect on readers. Consequently, discourse Pantun becomes one of the important sources of explanation of the phenomena of language and power that take place in political discourse. Therefore, this study aims to elucidate the relationship between language and power that exist in Pantun forms, as well as to analyse the principles that support the aesthetics of Pantun recited in the Fourteenth Parliament of Senate Assembly's Hansard text. Van Dijk's Ideological Square Scheme within the Critical Discourse Analysis is applied, along with Muhammad Haji Salleh's literary theory Puitika Sastera Melayu (PSM). In short, in addition to its procedural function, it was found that poetry plays an important role in generating binary polarization through various discursive strategy such as Evidentiality, Self-Glorification, Victimisation, Burden, Lexicalisation, Illustration, Argumentation, Generalisation and Metaphore. The selection of Pantun in this study dynamically and relatively fulfilled all six principles of 'yang indah-indah' of PSM theory.*

**Keywords:** *Puitika Sastera Melayu, Parliamentary discourse, Political Discourse Analysis, Dewan Negara*

## Pengenalan

Pantun ialah sastera lisan bergenre puisi tradisional Melayu yang asli dan tertua dalam tamadun Melayu.<sup>1</sup> Makna literal 'pantun' adalah 'seperti', 'umpama', 'laksana' dan 'kiasan'.<sup>2</sup> Buktinya ada disebut dalam patah-patah Minang yang berbunyi;

Sepantun ayam tidak berinduk,  
Menampi orang sedang makan

---

1 M.T. Ahmad, *Kurik Kendi Merah Saga* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020).

2 Za'ba, *Ilmu Mengarang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965).

Terdapat pandangan bahawa istilah pantun datang daripada Bahasa Jawa, menggabungkan akar kata /-pan/ daripada 'sopan' dan akar kata /tun-/ pula daripada perkataan 'tunjuk' atau 'tuntun'.<sup>3</sup> Juga, terdapat pandangan bahawa seni ini berasal daripada masyarakat Batak, Sumatera<sup>4</sup> kerana mereka mempunyai budaya mengutip akar, ranting, daun dan bunga bagi dijadikan sebuah 'surat' kepada kekasih. Tiap-tiap benda yang dikutip haruslah mempunyai bunyi-bunyi nama yang sama dan makna benda-benda tersebut mempunyai suatu mesej khusus kepada si penerima. Tentang keaslian, terdapat pandangan menyatakan, pantun Melayu adalah asli diciptakan sepenuhnya oleh budaya Melayu.<sup>5</sup> Selain itu, terdapat juga pandangan terbaharu yang menyatakan, genre pantun Melayu bersusur galur daripada pengaruh era perkembangan agama Buddha pada abad ke-7 dengan adaptasi falsafah 'gātha' dan 'logik Buddha (*Dharmakīrti*)' yang membentuk landasan ciri umum pembayang dan pemaksud pantun.<sup>6</sup> Isu ini masih menjadi polemik akademik.

Tidak ada catatan definitif yang menjelaskan sejarah tepat asal usul seni berpantun. Namun, pendapat terkuat menyatakan, pantun adalah sastera rakyat yang lahir dalam era budaya pratulis<sup>7</sup> Melayu, kemudiannya masuk ke dalam wacana tekstual. Ada pengkaji berpandangan catatan terawal ditemukan dalam era persuratan Melayu Hindu-Buddha pada teks *Hikayat Bayan Budiman* (1371M) selain *Hikayat Raja-Raja Pasai* (~1390M), *Hikayat Pandawa Lama* (~1525M) dan *Hikayat Inderapura* (<1600M). Ini berterusan pada era Melayu-Islam, dalam teks *Undang-Undang Melaka* (~1450M), *Hikayat Aceh* (~1625M), *Hikayat Merong Mahawangsa* (~1821M), *Hikayat Isma Yatim* (1881) dan beberapa teks hikayat lainnya.<sup>8</sup> Namun, terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa pantun-pantun sekitar abad ke-15 sebelum *Sejarah Melayu* (~1612)

---

3 Lihat <<https://adoc.pub/pantun-transformasi-dari-tradisi-lisan-tradisi-tulisan-hingg.html>> dicapai 25 Disember 2022.

4 M.H.Salleh, *Puitika Sastera Melayu Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021) 49.

5 Lihat <<https://www.malaycivilization.com.my/items/show/142630>> dicapai 25 Disember 2022.

6 C.T. Boon, 'Srivijayan Buddhist Logic and Its Impact on the Malay Pantun' Melayu (2020) 13(1) *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 133-160 <<http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/5802>> dicapai 25 Disember 2022.

7 L. S. Razali dan S. B. M. Radzi, 'Motif Maritim Dalam Pantun Melayu' (2023) 3(1) *Jurnal Tuah* 21-33.

8 Boon (n 6) 134.

sebenarnya bentuknya belum sempurna. Bentuk yang sempurna utuh hanya muncul lewat karya-karya Hamzah Fansuri pada abad ke-17.<sup>9</sup>

Kajian tentang pantun dimulakan oleh beberapa pegawai Inggeris dan Belanda yang sangat tertarik dengan budaya ini. Antara pengkaji orientalis terawal adalah Johannis Christopher Lorberi (1688) dengan transliterasi pantun Melayu-Latin.<sup>10</sup> Kemudiannya, diikuti oleh William Marsden yang terawal membincangkan secara mendalam proses dan fitur pantun Melayu dalam transliterasi pantun Melayu-Inggeris, *Grammar of Malayan Language, with an Introduction and Praxis* (1812). Beliau diikuti oleh nama-nama lain seperti R.O. Winstedt dan R. J. Wilkinson, *A History of Classical Malay Literature* (1969), Francois-Rene Daillie, *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun* (1990), A. W. Hamilton, *Malay Pantuns* (1959) selain J. Crawford C. A. van Ophuijen, H. Overbeck, A. Hamilton, M. G. Emies, C. Hooykaas, L. Phillip Thomas dan C. Hugh Holman. Victor-Marie Hugo pula adalah orientalis yang bertanggungjawab 'mengeksport' seni pantun ke dunia sastera Eropah dengan nama lain '*pantoum*' dalam catatannya, *Les Orientales* (1829). Daripada catatan tersebut, muncullah Ernest Fouinet, penyair Perancis yang mempopularkan seni pantun ke dalam literatur moden Eropah sekitar abad ke-19 dan ke-20.<sup>11</sup> Di Amerika Syarikat, nama-nama yang turut sama mempopularkan seni '*pantoum*' ini antaranya Anne Waldman, Donald Justice melalui karya John Ashbery *Some Trees* (1959).<sup>12</sup>

Di Sri Lanka, terdapat seni hampir sama dengan pantun yang dinamakan '*phanthong*'<sup>13</sup> yang dicirikan dengan seni bahasa percampuran antara Melayu, Sinhala dan Tamil.<sup>14</sup> Di samping itu, dalam budaya beberapa suku asli Nusantara terdapat istilah budaya yang sehomofon dan serupa dengan pantun seperti Minangkabau dengan '*panuntun*', iaitu sastera lisan menjadi panduan tatasosial, Tagalog dengan '*tonton*', bermaksud tersusun, Bisaya dengan '*panton*' bermaksud mendidik, suku Toba dengan '*pantun*' bermaksud kesopanan dan kehormatan.<sup>15</sup>

9 Y. Ismail, *Kesusasteraan Lama Dan Baru* (Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia 2008).

10 M.P. Harun, *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbincangan Genre dan Fungsi* (Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989).

11 J.D. Brannon, '*There is That Line Again: Revealing the Pantoum in Context*' <<https://poets.org/glossary/pantoum>> dicapai 30 Disember 2022.

12 Lihat <<https://poets.org/glossary/pantoum>> dicapai 30 Disember 2022.

13 H. Jelani, '*Manuskrip 'Panthong' dari Sri Lanka*' (2018) <<https://wa-iki.blogspot.com/2013/09/manuskrip-panthong-dari-sri-lanka.html>> dicapai 30 Disember 2022.

14 M.H. Eizah, *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu* (Kuala Lumpur, APM-ITBM, 2019).

15 R. H. Djajadiningrat, *Erti Pantun Melayu yang Ghaib* (Petaling Jaya, Malaysia, 1965).

Asas puitika pantun terbina daripada konvensi tujuan sastera Melayu sejak dahulu lagi, iaitu menuntut kepada keindahan.<sup>16</sup> Keindahan itu adalah seni yang teratur, lurus dan membawa kepada kebaikan, secara konkrit mahupun abstrak.<sup>17</sup> Ini dapat dilihat dalam dua aspek. Pertama, secara teknikal, pantun bermula seringkas-ringkas dua baris, lalu bercambah kepada empat baris. Baris pertama adalah pembayang dan merupakan 'isyarat bunyi' dan baris kedua adalah maksud dan adalah 'jodoh bunyi'. Ia menjadi empat baris apabila digandakan baris pembayang dan baris maksud. Perbezaan ketara pantun dengan 'patah-patah Melayu' lain seperti sajak, syair, gurindam adalah pada 'tataisyarat bunyi' dan 'jodoh bunyi' yang mewujudkan ritma a-b,-a-b. Pun begitu, terdapat juga pandangan yang menerima ritma a-a-a-a yang mirip kepada rima akhir syair.<sup>18</sup>

Selain itu, puitika pantun Melayu asli turut terakam dalam konsep tukang *in-situ*. Contohnya, pantun terkenal "*Gunung Daik bercabang tiga...*". Gunung Daik di Lingga jika dilihat dari laluan perkapalan seperti di Tanjung Buton, Pelabuhan Mepar, Pelabuhan Penarik serta pesisir Pantai Pasir Panjang, iaitu dari arah selatan dan barat daya gunung, hanya menampakkan dua cabang puncak.<sup>19</sup> Akan tetapi, bagi penduduk yang tinggal berhampiran kaki gunung seperti di desa Merawang dari arah tenggara, akan jelas melihat tiga cabang puncak gunung terutama hari cerah.<sup>20</sup>

Deskripsi terawal ciri pantun oleh Zaaba seperti kedua-dua aspek di atas dilanjutkan oleh beberapa pengkaji. Pendapat yang sering dirujuki adalah oleh Harun Mat Piah, membezakan genre pantun dengan bentuk puisi-puisi Melayu yang lain melalui enam kriteria, iaitu; aspek rangkap berasingan, perkataan sebagai unit terpenting, aspek berlebihan jumlah

16 Salleh (n 4) 45.

17 Harun (n 8) 78-79

18 Salleh (n 4) 90.

19 Lihat<<https://www.google.com/maps/place/Benteng+Lekok/@0.2587405,104.5907339,3a,75y,90t/data=!3m8!1e2!3m6!1sAF1QipNWswI4iePbZJZzp10xl6UsrPcURu0QoKZuD5Vq!2e10!3e12!6shttps:%2F%2Fh5.googleusercontent.com%2Fp%2FAF1QipNWswI4iePbZJZzp10xl6UsrPcURu0QoKZuD5Vq%3Dw203-h114-k-no!7i4160!8i2352!4m5!3m4!1s0x2e276b0c90c08de7:0xc968352bfa7c78f0!8m2!3d-0.2587405!4d104.5907339>> dicapai 30 Disember 2022.

20 Lihat<<https://www.google.com/maps/@0.2071111,104.5989183,3a,31.1y,280.02h,101.39t/data=!3m8!1e1!3m6!1sAF1QipMTddeHicVVLUsF3Fdns4p1a44VRi2ICiwtrIq!2e10!3e11!6shttps:%2F%2Fh5.googleusercontent.com%2Fp%2FAF1QipMTddeHicVVLUsF3Fdns4p1a44VRi2ICiwtrIq%3Dw203-h100-k-no-pi-0-ya189.00002-ro0-fo100!7i10240!8i5120>> dicapai 30 Disember 2022.

perkataan atau suku kata berlebihan, aspek stanza dan kuplet, skema rima dan keseluruhan stanza sebagai satu fikiran yang bulat.<sup>21</sup>

Magis-magis habluran puitika Melayu yang terpercik daripada landasan pemikiran cara-cara orang Melayu bersastera bersusur galur daripada bahasa, persekitaran dan falsafah bangsa Melayu sendiri. Pada bahasa, orang Melayu dituntut menukangi pantun dengan 'bahasa beradat' atau 'bahasa dinobat' yang diertikan "*bahasa sastera yang condong kepada yang merdu, yang membawakan muzik yang berimbang, bermotif dan harmonis*". Tujuannya bagi mengapai tingkatan 'yang indah-indah',<sup>22</sup> iaitu kedudukan karya seni yang tinggi mutu, langka, terpuji dan dipandang sebagai seni Melayu yang amat sempurna dan halus.<sup>23</sup> Fenomena ini dikaji oleh Muhammad Haji Salleh (seterusnya MSM) yang kemudian membina gagasan Teori *Puitika Sastera Melayu* (seterusnya PSM) bermula tahun 1989.

Teori PSM boleh dikatakan teori yang sangat mampan dalam perkembangan teori sastera Melayu. Ia telah dieksperimenkan ke atas pelbagai genre, baik novel,<sup>24</sup> syair tradisional<sup>25</sup> atau kompilasi pantun.<sup>26</sup> Teori ini bahkan mendapati perhatian khusus untuk dibahas dan dikritik berkaitan metodologi<sup>27,28</sup> dan falsafah keindahan.<sup>29,30</sup> Pun begitu, kajian-kajian sebelumnya hanya mengaplikasikan teori ini ke atas karya-

---

21 Harun (n 10) 190-195.

22 Frasa yang dikutip daripada teks-teks nadir tradisional Melayu yang lazim menggunakan frasa ini dan dijadikan konsep kedudukan tertinggi dalam PSM.

23 Salleh (n 4) 110-120.

24 R. M. Zain dan N. R. N. M. Affendi, 'Unsur Estetika Bahasa Dalam Novel-novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi 2012-2017' (2019) 30 *MANU-Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 189-212.

25 K. Anwar, 'Tradisi Sastera Johor-Riau: Suatu Kajian Terhadap Syair Sejarah' (Tesis Kedoktoran, Nanyang Technological Institute, 2016).

26 M. Z. A. Halim, 'Bukit Lagi Bintang Berkarang: Manifestasi Puitika Sastera Melayu' (Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya, 2021) <<https://anyflip.com/trfpm/zoqs/basic/151-200>> dicapai 31 Disember 2022.

27 A. Abdul Halim, 'Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional' (2011) 2(1) *PENDETA-Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu* 99-117 <<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1109>> dicapai 31 Disember 2022.

28 H. M. Affandi, *Yang Hampas dan yang Bernas dalam Teori Sastera Malaysia* (Kuala Lumpur, Dewan Sastera, 1991).

29 H. Ismail, 'Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti' (2019) 30 *MANU-Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 31-49 <<https://doi.org/10.51200/manu.v29i.1867>> dicapai 31 Disember 2022.

30 A. Abdul Halim, *Kritikan Estetik Dalam Kesusasteraan Melayu: Satu Pandangan Baharu* (Tanjung Malim, Universiti Perguruan Sultan Idris, 2012)

karya sastra dan tidak melibatkan kajian silang bidang dalam domain sosial lain seperti politik.

Nor, et. al., (2019) pula melakukan kajian korpus melalui analisis kolokasional (*collocational analysis*) dalam wacana Parlimen (*Parliamentary discourse*) khusus ke atas himpunan konkordans perkataan 'ekonomi'.<sup>31</sup> Metodologi campuran (*mixed method*) dimanfaatkan menggunakan aplikasi Wordsmith 5.0 di samping analisis wacana kritikal kualitatif yang melihat hubungan bahasa dan kuasa ke atas *Hansard* Parlimen Pertama (1959) hingga Parlimen Ketiga Belas (2018). Berpandukan *The Ideological Square Model* oleh van Dijk kajian mendapati, terdapat hubungan pola kekerapan penggunaan dengan isu ekonomi global. Dikesan juga, beberapa strategi diskursif (*discursive strategy*) tertentu dengan praktis prosodi positif dan negatif untuk membina dan memperkukuhkan polarisasi binari Ahli-ahli Parlimen pro-Kerajaan dan pro-Pembangkang. Lakuan bahasa (*language act*) Ahli-ahli Parlimen pro-Kerajaan adalah cenderung untuk mengabsahkan dasar-dasar kerajaan menggunakan prosodi-prosodi positif. Manakala, lakuan bahasa prosodi negatif cenderung digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen pro-Pembangkang untuk memperkatakan kesan-kesan ekonomi global terhadap ekonomi negara. Akan tetapi, kajian lakuan bahasa ini hanya meneliti khusus kepada perkataan tertentu.

Justeru, terdapat kelompangan menghubungkan kajian wacana sastra dalam wacana politik, terutamanya kajian yang tertumpu kepada model estetika lakuan bahasa seperti pantun dan fungsinya dalam fenomena bahasa dan kuasa. Oleh yang demikian itu, kajian ini bertujuan untuk;

- (i) pasti fungsi-fungsi pantun terutama berkenaan sisi-sisi hubungan bahasa dan kuasa; dan
- (ii) menganalisis pantun-pantun daripada perbahasan Majlis Dewan Negara, Parlimen Keempat Belas berdasarkan teori PSM.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kajian teks ke atas entri-entri data daripada Penyata Rasmi (*Hansard*) persidangan Dewan Negara, Parlimen Keempat Belas merangkumi lima penggal dari 17 Julai 2018 hingga

---

31 N.F.M., Nor., A.A.N.C., Abdul Rahman., A., Jaludin., I., Ho Abdullah., dan S. Tiun, 'A Corpus Driven Analysis of Representations Around the Word 'ekonomi' in Malaysian Hansard Corpus" (2019) 19(4) *GEMA-Online Journal of Language Studies*, 66-95 <<http://journalarticle.ukm.my/14098/1/35648-114058-1-PB.pdf>> dicapai 31 Disember 2022.

16 Ogos 2022. Jangka waktu ini khusus dipilih sebagai pertimbangan pemerhatian yang mendapati pola dinamika politik, pelbagai isu yang intens selain pelantikan tokoh-tokoh bahasa sebagai Ahli Dewan. Ini terbukti dengan dapatan sejumlah 520 pantun dan seloka diucapkan hanya dalam Dewan Negara sahaja. Jumlah ini adalah peningkatan mendadak berbanding persidangan-persidangan Parlimen sebelumnya. Kajian menggunakan model Analisis Wacana Kritis van Dijk, iaitu skema *The Ideological Square* untuk objektif pertama dan Teori *Puitika Sastera Melayu* (2021) untuk objektif kedua.

## Fungsi-Fungsi Pantun

Konsep besar 'Wacana Politik' (*political discourse*) dapat difahami sebagai 'cara berpolitik' (*way of doing politics*).<sup>32</sup> Konsep ini terbina daripada domain cirian seperti lakuan politik, sistem politik, nilai politik, ideologi politik, institusi politik, organisasi politik, kumpulan politik, aktor politik, perhubungan politik, proses politik dan kognisi politik.<sup>33</sup>

Fungsi-fungsi pantun di Parlimen dikategorikan dalam domain ucapan politik (*political speeches*). Ucapan ini berbentuk diskursif dan dapat dilihat semasa sesi soal jawab kementerian, sesi pembentangan usul atau rang undang-undang, sesi perbahasan usul atau rang undang-undang, jawapan Menteri serta mesyuarat-mesyuarat Parlimen di luar Dewan seperti mesyuarat Kamar Khas dan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Parlimen. Ruang diskursif inilah digunakan oleh politikus untuk mempromosikan dan melaksanakan sasaran kehendak politik (*political will*) ke arah mengkritik atau mencorak tadbir urus (*governance*) kerajaan semasa (*government of the day*).<sup>34</sup> Matlamat ucapan politik menerusi strategi diskursif ini pada akhirnya adalah untuk memanipulasi, mendominasi<sup>35</sup> memimpin, memperoleh kuasa, mendidik dan menghalalkan penaklukan.<sup>36</sup> Berdasarkan dapatan data, fungsi-fungsi

---

32 T.A. van Dijk, 'What is Political Discourse Analysis?' (1997) 11 *Belgian Journal of Linguistics*, 11-52. < [https://e-l.unifi.it/pluginfile.php/909651/mod\\_resource/content/1/Van%20Dijk%20Waht%20is%20political%20discourse%20analysis.pdf](https://e-l.unifi.it/pluginfile.php/909651/mod_resource/content/1/Van%20Dijk%20Waht%20is%20political%20discourse%20analysis.pdf)> dicapai 31 Disember 2022.

33 Ibid.

34 A. Partington, 'Corpus Analysis of Political Language' in A.C. Carol (ed.), *The Encyclopedia of Applied Linguistics* (Blackwell Publisher, 2013).

35 N.Fairclough, *Language and Power* (London, Longman, 1989).

36 I. Aman, 'Bahasa Dan Kuasa: Analisis Wacana Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11' (2008) *Akademika* 72, 69-96. Lihat <<https://www.semanticscholar.org/paper/Bahasa-dan-Kuasa%3A-Analisis-Wacana-Barisan-Nasional-Aman/8fa45adf9c055724caedecaea301de3372a27e7c>> dicapai 31 Disember 2022.



berpantun dapat dikesan digunakan dalam sesi-sesi yang dinyatakan seperti di bawah;

<b>Seleksi 1: Menyebut Soalan oleh Ahli-ahli Senator</b>	
(1.1) <i>Sorong papan, tarik papan; Soalan saya hari ini nombor lapan</i>	(1.4) <i>Rumah papan rumah batu; Soalan saya nombor satu.</i>
(1.2) <i>Dato' Sri Speaker bijak laksana; Bangkitlah saya untuk bertanya; Ayuh jawab Menteri soalan saya; Soalan saya nombor lima</i>	(1.5) <i>Buah kedondong buah delima; Sedap dimakan bersama-sama; Mesyuarat ini mesyuarat terakhir saya; Saya kemukakan soalan nombor lima .</i>

<b>Seleksi 2: Menjawab Soalan oleh Menteri atau Timbalan</b>	
(2.1) <i>Sorong papan di Gunung Daik; Ini jawapan, dengar baik-baik.</i>	(2.4) <i>Jambu air jambu batu; Ini jawapan nombor satu</i>
(2.2) <i>Pagi-pagi naik kereta; Hendak membeli sayur dan ikan; Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua; Izinkan saya jawab soalan.</i>	(2.5) <i>Batang bukan sebarang batang; Batang lurus hendak buat papan. Datang bukan sebarang datang; Datang nak jawab soalan YB Senator Othman</i>

<b>Seleksi 3: Memanggil Soalan Tambahan, Jawapan Menteri atau Timbalan oleh Tuan Yang di-Pertua/ Timbalan</b>	
(3.1) <i>Menanti si dara tinggal di teratak, Teratak terletak di hujung jalan, Nombor satu soalan terletak, Menanti jawapan merungkai simpulan.</i>	(3.4) <i>Batu karang di Teluk Jelatang; Nampak dari Gunung Tahan. Sebab YB Menteri jarang-jarang datang; Bolehlah menjawab satu lagi soalan</i>
(3.2) <i>Sekali dihukum, dua kali dihukum; Orang datang dari Selama; Sekali belum, dua kali pun belum; Dapat kita dengan PM bersama</i>	(3.5) <i>Banyak bunga di Tasik Chini; Hendakkah bertanya tambahan lagi?</i>
(3.3) <i>Hal-hal di atas tanah; Letak di atas tanah juga. Jika sudah bersedia sila kemukalah; Hati di sana menunggu jua</i>	(3.6) <i>Makan-makan kuih keria; Letak-letak tepi sawah. Eloklah dijawab dengan segera; Supaya hati tidak gundah</i>

Selain itu, tinjauan data pantun juga mendapati terdapat fungsi pantun bagi sesi perbahasan usul atau rang undang-undang oleh Ahli-ahli Senator dan Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan. Daripada tinjauan, didapati fungsi ini merupakan fungsi yang paling ketara dan intens dengan pertembungan ideologi politik.

<b>Seleksi 4: Pantun dalam Sesi Perbahasan oleh Ahli-ahli Senator, Menteri atau Timbalan</b>	
(4.1) <i>Buah cempedak di luar pagar, Ambil galah tolong jolokkan; Memang tiada politik parti di KTAR, Kalau ada, DAP tolong tunjukkan</i>	(4.12) <i>Dengan PH Malaysia baharu pun menjelang, Rezeki rakyat takkan lagi membanting tulang; Kais pagi pun cukup makan petang, Rakyat gembira hati senang</i>
(4.2) <i>Harapkan pegar, pegar makan padi, Harapkan BN barang harga naik tinggi, Ekonomi merosot kerana kleptokrasi, Kais pagi hanya cukup makan pagi</i>	(4.13) <i>Buah cempedak di luar pagar, Ambil galah tolong jolokkan; Kalau lah bukan sebab kuota pelajar, Manalah perlunya KTAR diadakan.</i>
(4.3) <i>Nama diberi Muhyiddin bin Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia Kelapan; Pemimpin utama Malaysia Prihatin, Kasih akan rakyat Bapa Kebajikan</i>	(4.14) <i>Hang Jebat Hang Kasturi; Budak-budak rajin belaka; Sila duduk dan jangan lari; Daulat Tuanku Payung Negara</i>
(4.4) <i>Harapkan pegar, pegar makan padi, Harapkan PN, MB Perak hilang majoriti, Peja mabuk kuasa kurang berhati-hati, Diusul sokongan terselit pisau belati</i>	(4.15) <i>ADUN PN pura-pura senyum berseri, Demi kuasa tikam MB pasukan sendiri; Kejatuhan Faizal jelas terbukti, Siapa tamak dialah yang rugi.</i>
(4.5) <i>Bangun pagi pergi bersenam, Masa berlari tersadung ke parit; Sudahlah Pakatan henti politik dendam, Rakyat sudah sedar mereka tertipu dan berasa pahit</i>	(4.16) <i>Buah cempedak di luar negara; Harapkan pegar, pegar makan padi; Dulu jerit hapuskan kuota bumiputera; Malaysian Malaysia masihkah perjuangan DAP?</i>

<p>(4.6)  <i>Saya budak miskin dari Kampung Simpalit,  Mandi sungai sebelum matahari terbenam;  Belanjawan Pakatan menyepit dan terpalit,  Saham merudum ekonomi terus menjunam</i></p>	<p>(4.17)  <i>Buah pedada di dalam taman;  Menjadi idaman si anak rusa;  Sudah kuasa jatuh di tangan;  Tidak henti Pakatan beri alasan pula</i></p>
<p>(4.7)  <i>Dapat sebiji buah senduduk,  Buat ubat penyakit sendi;  Lompat parti kerja terkutuk,  Mandat rakyat jangan dikhianati.</i></p>	<p>(4.18)  <i>Bercabang tiga si Gunung Daik,  Kubur pandang nampak di pinggir;  Sudah dua tahun prestasi Pakatan kurang baik,  Rakyat sudah lemas dan mula menggigil</i></p>
<p>(4.8)  <i>Rancang bukan sebarang rancang,  Kuasa Allah siapa yang tahu;  Ketua Pembangkang memukul canang,  Akhirnya hampa penuh syahdu</i></p>	<p>(4.19)  <i>Menteri Belia dan Sukan produktif;  Kreatif menjalankan program dan aktiviti;  Maju negara kerana belia positif;  Belia cemerlang yang dihajati</i></p>
<p>(4.9)  <i>Burung kedidi di pohon nangka;  Anak bayan hinggap di dahan.  Orang berbudi kita berbahasa;  Muafakat Perikatan erat perpaduan</i></p>	<p>(4.20)  <i>A, B, C, D, GST,  Dah tukar ke SST;  Harga barang masih tinggi,  Rakyat tanya, apa sudah jadi?</i></p>
<p>(4.10)  <i>A, B, C, D, GST,  Dah tukar ke SST;  Apa hendak tipu lagi,  Rakyat kata, tunggulah nanti.</i></p>	<p>(4.21)  <i>Littoral Combat Ship kejutan baharu,  Seluruh negara haru-biru;  Kalau semangat kenegaraan tidak menentu,  Tunggu PRU-15, rakyat palu</i></p>
<p>(4.11)  <i>Tak kira ribut atau taufan,  PH mampu membatwa negara ke hadapan;  Politik, agama dan perkauman,  Tak laku lagi sebagai umpan.</i></p>	

<b>Seleksi 5: Menjemput Pembahas, Menteri atau Timbalan oleh Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua</b>	
(5.1) <i>Pemimpin berilmu pemimpin yang bijak; Kebijaksanaan itu adalah disanjung; Di mana bumi dipijak; di situlah langit dijunjung.</i>	(5.4) <i>Kerap di tepi permatang, Permatang ada di sana, Bercakap jangan panjang, Bertandang jangan lama</i>
(5.2) <i>Sudah petang ia hari; Sudah kembang bunga petola; Sudah dibentang huraian diri; Sudah hilang sakit kepala</i>	(5.5) <i>Getah lantun tetaplah lantun; Ia melantun ke atas para. Dalam pantun nak diberi pantun; Dalam pantun ada bicara.</i>
(5.3) <i>Jauhnya terbang burung belatuk; Ia nya lalu di tengah halaman. Banyak khidmat cemerlang pihak Dato'; Mari kita hargai zaman berzaman</i>	(5.6) <i>Cik Zaiton buat teh tarik; Cik Salim menyumbang gula. Pantun Yang Berhormat sedia menarik; Akan dicap kesemuanya</i>

<b>Seleksi 6: Membuka dan Menanggihkan Majlis Mesyuarat oleh Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua</b>	
Membuka Majlis	Menanggihkan Majlis
(6.1) <i>Minum air kelapa muda, Kelapa dipungut dari selatan, Berikan kasih kepada yang muda, Pada yang tua diberikan penghormatan</i>	(6.8) <i>Apakah tanda-tanda orang perjuangan; Pedih dan perit dibawa berlari; Susah payah tiada halangan; Kemenangan perjuangan yang kucari-cari</i>
(6.2) <i>Salam hormat kepada semua; Pemegang kata pemegang bicara; Agar terus sihat sentiasa; Jagalah kesihatan setiapi masa</i>	(6.9) <i>Pokok serai daun keladi, Hidup subur di sungai seberang, Bukan budi sebarang budi, Budi baik dikenang orang</i>
(6.3) <i>Perak dipakai, suasa dibela, Gerak dah sampai, masa sudah tiba</i>	(6.10) <i>Sampan kolek menuju ke hilir, Sarat penuh dengan muatannya, Jangan berkata hanya dibibir, Cintakan negara apa buktinya.</i>
(6.4) <i>Perak dipakai, Suasa dibela; Gerak dah sampai, Puasa dah tiba</i>	(6.11) <i>Bunga melur, bunga kekwa, Hidup segar dihias melati, Semangat merdeka kekal di jiwa, Nescaya hidup lebih bererti.</i>

(6.5) <i>Suasa dipakai; Perak dibela. Masa dah sampai; Gerak dah tiba</i>	(6.12) <i>Di atas bukit tanamnya ubi; Burung tempua buat sarang; Bukan budi sebarang budi; Budi baik dikenang orang</i>
(6.6) <i>Apa tanda kain pelekat; Raginya halus dibentang lebar. Apa tanda pemimpin rakyat; Budinya halus orangnya sabar</i>	(6.13) <i>Kapal api dari seberang; Sarat bermuat dengan barangan; Maafkan saya lebih dan kurang; Diumpat boleh dicaci jangsan</i>
(6.7) <i>Yang ditunggu sudah tiba; Dipanggil sudah sampai; Yang dikira sudah ada; Insya-Allah tujuan tercapai</i>	(6.14) <i>Ayam hutan terbang ke hutan; Tali terjerut di pagar duri; Adik bukan saudara pun bukan; Hati tersangkut kerana budi</i>

## Perbincangan

Fungsi-fungsi pantun dalam Seleksi 1, Seleksi 2, Seleksi 3, Seleksi 5 dan Seleksi 6 bersifat teknikal iaitu digunakan dengan tujuan prosedural seperti; menyebut nombor soalan; menjemput Menteri atau Timbalan Menteri menjawab; dalam jawapan oleh Menteri atau Timbalan Menteri; menjemput soalan tambahan dalam sesi jawab lisan; memanggil pembahas, Menteri dan Timbalan Menteri untuk sesi perbincangan usul atau rang undang-undang; serta membuka dan menanggungkan mesyuarat.

Manakala, semasa sesi perbincangan yang dikumpulkan dalam Seleksi 4, didapati perbincangan terutamanya peringkat dasar berlaku dalam suasana yang sangat sengit kerana ia merupakan medan pertembungan ideologi (kepartian) yang paling ketara. Ketika ini, lakuan bahasa sama ada ucapan, celahan, pertanyaan retorik selain sarana pantun dan seloka dimanipulasikan dengan sangat kerap. Oleh sebab itu, Analisis Wacana Kritis (seterusnya AWK) diterapkan supaya dapat menerangkan fenomena dan hubungan antara kuasa dan ideologi secara kritis dan bersistematik.<sup>37</sup> Berdasarkan model van Dijk iaitu skema *The Ideological Square Model*,<sup>38</sup> dikotomi utama iaitu '*us versus them*' merupakan asas

37 N. Fairclough, *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research* (London, Routledge 2003).

38 T. A. van Dijk, 'Ideology and Discourse Analysis' (2006) *Journal of Political Ideologies* 11(2), 115–140 <<https://discourses.org/wp-content/uploads/2022/07/Teun-A.-van-Dijk-2013-Ideology-and-discourse.pdf>> dicapai 31 Disember 2022.

menjelaskan tingkah laku seperti representasi positif sendiri dan representasi negatif pihak lawan untuk dimanipulasi, menimbulkan kesan diskriminasi dan prejudis terhadap pihak lawan.<sup>3940</sup>

Berdasarkan Seleksi 4, analisis peringkat makro yang terbina adalah seperti di bawah;

**Senator Pro-BN/ Perikatan Nasional:** Aku; Kami, Kita → Kumpulan Dalam

**Senator Pro-Pakatan Harapan :** Lain-lain, Mereka → Kumpulan Asing

Tinjauan mendapati, meskipun ucapan politik ini diujarkan di Dewan Negara yang secara umumnya tidak begitu ketara binarisme Kerajaan-Pembangkang berbanding di Dewan Rakyat, namun kewujudan pantun-pantun berasaskan dikotomi di atas, dapat dilihat pada Seleksi 4.

Berdasarkan *The Ideological Square Model* van Dijk, di peringkat analisis mikro dikesan penggunaan sembilan strategi diskursif seperti berikut; Pembuktian (*Evidentiality*), Puji Diri (*Self-Glorification*), Ketermangsaan (*Victimisation*), Keterbebanan (*Burden*), Pengungkapan (*Lexicalization*), Ilustrasi (*Illustration*), Argumentasi (*Argumentative*), Generalisasi (*Generalisation*) dan Metafora (*Metaphor*).<sup>41</sup> Dalam huraian di bawah, 'Pewacana' merupakan pembahas atau pemantun daripada pihak Kerajaan dan Pembangkang.

### **Pembuktian (*Evidentiality*)**

Strategi diskursi ini menekankan kepada bentuk pembuktian secara spesifik diajukan kepada pihak lawan atau diajukan oleh pewacana untuk mencabar representasi kebolehpercayaan pihak lawan atau mengangkat nilai kebolehpercayaan pihak pewacana. Pantun-pantun bentuk ini dapat dilihat pada (4.1), (4.6) dan (4.21). Pantun (4.1) mempersoalkan bukti tuduhan DAP bahawa Kolej Tuanku Abdul Rahman dikuasai

---

39 N. Noor, dan B.A. Hamid, 'Cyberbullying in the Name of God: Critical Discourse Analysis of Online Responses to The Act of De-Hijabbing in Malaysia' (2021) 3*L: Southeast Asian Journal of English Language Studies* 27(4), 215-229 <<http://journalarticle.ukm.my/18438/1/49560-173378-1-PB.pdf>> dicapai 31 Disember 2022.

40 S. Ghaffari, 'Discourses of Celebrities on Instagram: Digital Femininity, Self-Representation and Hate Speech' (2020) 19(2) *Critical Discourse Study* <<https://doi.org/10.1080/17405904.2020.183992>> dicapai 31 Disember 2022.

41 T. A. van Dijk, 'Critical Discourse Analysis and Conversation Analysis' (1999) *Discourse and Society* 10(4), 459-470 <<https://doi.org/10.1177/0957926599010004001>> dicapai 31 Disember 2022.

oleh parti politik tertentu. Pantun (4.6) mencabar keyakinan terhadap belanjawan oleh Pakatan Harapan dengan kemeruduman ekonomi ketika itu manakala, pantun (4.21) pewanca memetik isu spesifik, iaitu isu penyelewangan *Littoral Combat Ship* untuk mencabar legitimasi kebolehpercayaan pihak lawan.

### ***Puji Diri (Self-Glorification)***

Diskursif 'Puji Diri' adalah suatu bentuk strategi untuk menampakkan kebaikan ideologi dan lakuan politik pihak pewanca serta kesan baik terhadap rakyat dengan beberapa pernyataan yang biasanya selektif. Bentuk ini dilihat pada pantun (4.3), (4.9), (4.11), (4.12) dan (4.19). Pantun (4.3) dan (4.9) adalah diskursif 'Puji Diri' untuk mengangkat representasi bagus di blok Perikatan Nasional. Manakala, pantun (4.11), (4.12) dan (4.19) adalah pernyataan-pernyataan yang memuji dasar dan individu politik daripada Pakatan Harapan.

### ***Ketermangsaan (Victimisation)***

Bentuk diskursif 'Ketermangsaan' merupakan bentuk cara untuk menjadikan pewanca atau pihak ketiga sebagai mangsa yang menerima kesan buruk daripada lakuan politik dan dasar-dasar pihak lawan. Ini akan menimbulkan simpati terhadap pihak pewanca dan tanggapan mewujudkan negatif terhadap pihak lawan. Dalam pantun (4.2), pewanca iaitu daripada Pakatan Harapan, menyatakan bahawa pihak parti lawan iaitu BN telah menyebabkan ekonomi merosot kerana kleptokrasi lalu menjadikan pewanca dan rakyat sebagai pihak ketiga sebagai mangsa kepada tindakan tersebut.

### ***Keterbebanan (Burden)***

'Keterbebanan' merupakan strategi diskursif yang memanfaatkan masalah-masalah daripada lakuan politik lampau sebagai di luar kawalan pewanca untuk menimbulkan simpati, mengabsahkan atau membenarkan tindakan pewanca yang mungkin bertentangan dengan nilai murni masyarakat. Dalam pantun (4.13), pewanca iaitu ahli politik MCA memanfaatkan kesan dasar-dasar lampau sebagai alasan mengabsahkan dasar penubuhan Kolej Tuanku Abdul Rahman yang dituduh oleh pihak lawan iaitu DAP sebagai institusi yang dikuasai kuasa politik tertentu dan bersifat segregasi perkauman.

### **Pengungkapan (Lexicalisation)**

Pewacana dalam strategi ini menggunakan bentuk-bentuk perkataan atau frasa yang jelas bersifat jelik, negatif, sensitif atau berkonotasi buruk untuk merepresentasikan ideologi dan dasar-dasar pihak lawan. Ini dapat dilihat dalam pantun (4.4), (4.5), (4.7), (4.10) dan (4.14). Pantun (4.4), (4.7) dan (4.14) dengan frasa seperti "*Peja mabuk kuasa; lompat parti kerja terkutuk; sila duduk jangan lari*" disebut oleh pewacana daripada Pakatan Harapan untuk memburukkan imej pihak Perikatan Nasional dan BN. Manakala, pantun (4.5) dan (4.10) pula mengecam pihak Pakatan Harapan yang dikatakan oleh pewacana mengambil tindakan bersifat politik dendam dan menipu rakyat.

### **Ilustrasi (Illustration)**

Strategi ini memanfaatkan kejadian yang berlaku ke atas pihak lawan sebagai gambaran yang boleh meningkatkan lagi imej pewacana dan memburukkan imej pihak lawan. Pantun (4.15) oleh pewacana daripada Pakatan Harapan memanfaatkan peristiwa kegagalan Menteri Besar Perak mendapat sokongan dalam pengundian Usul Undi Percaya di DUN Perak pada 3 Disember 2020 yang dikatakan berpunca daripada sikap tamak bekas Menteri Besar Perak tersebut.

### **Argumentasi (Argumentative)**

Pewacana dalam strategi ini memanipulasikan kumpulan hujah atau fakta yang berbentuk koheren, sistematik dan selektif untuk mengabsahkan di pihak pewacana. Bentuk ini kita dapat lihat dalam pantun (4.16), (4.17) dan (4.20). Pewacana dalam pantun 4.16 menyebut tentang ideologi '*Malaysian Malaysia*' yang dikatakan menyarankan penghapusan kouta bumiputera untuk membina representasi buruk khlayak terhadap pihak DAP dan Pakatan Harapan. Pantun (4.17) pula berhujah mempertikaikan mengapa pihak Pakatan Harapan tidak dapat menepati janji meskipun telah mendapat mandat. Pantun 4.20 cuba membina representasi negatif terhadap pihak Pakatan Harapan dalam soal janji manifesto menangani harga barang yang tinggi.

### **Generalisasi (Generalisation)**

Strategi ini digunakan oleh pewacana dengan membuat kesimpulan umum untuk memberikan gambaran buruk terhadap imej pihak lawan. Pantun 4.18 memperlihatkan tindakan pewacana yang cuba membina



imej rakyat ‘lemas’ dan ‘menggigil’ sebagai kesimpulan umum prestasi Pakatan Harapan.

### **Metafora (Metaphor)**

Metafora merupakan bentuk cara diskursi wacana yang cuba membentuk gambaran atau perumpamaan baik di pihak pewacana dan buruk di pihak lawan, seperti dalam bentuk (4.8), Ketua Pembangkang ketika itu dinyatakan memukul ‘canang’. ‘Canang’ merupakan alat muzik berbentuk gong tetapi bersaiz kecil digunakan dalam seni wayang kulit yang diketuk untuk menghasilkan bunyi mengasyikkan.<sup>42</sup> Namun, pewacana bukanlah merujuk perbuatan memukul canang secara literal, sebaliknya istilah tersebut adalah perumpamaan bahawa Ketua Pembangkang hanya pandai bercakap tentang cerita-cerita mengasyikkan.

Berdasarkan lakuan kesembilan-sembilan strategi diskursif di atas, jelas wujudnya hubungan binari yang disebut van Dijk; *“the typical positive evaluation of US and OUR actions in positive terms and of THEM and THEIR actions in negative terms”*.<sup>43</sup>

## **Puitika Pantun-Pantun Melayu**

### **Dunia Luas yang Dipadatkan**

Menurut Muhammad Haji Salleh (2021), orang Melayu dahulu kala menyusun pantun daripada ‘pengalaman-pengalaman dunia’ dan pemikiran mereka. Pengalaman dunia adalah ‘renungan kehidupan’ sejak daripada kecil yang hingga menjelang usia lanjut, dan mencapai tahap kematangan lalu menjadi wawasan diri. Wawasan diri itulah yang cuba dipadatkan oleh pengarang pantun. Wawasan inilah yang mendasari tatasusunan citra, baris dan perkataan. Namun, sekadar menemukan sebuah wawasan tidak cukup menyerlahkan makna. Makna yang cemerlang dapat berlaku apabila pengarang memastikan baris-baris pantun itu wujud jalinan saling melengkapi serta mempersembahkan harmonika konotasi bunyi, gambaran dan suasana.

‘Makna cemerlang’ adalah hasil permainan citra ‘yang indah-indah’. Citra berupa bekas-bekas kenangan lampau yang diingat oleh pengarang. Namun, daripada apa-apa yang diingatnya, yang hanya diambil oleh

---

42 Lihat <<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=canang&d=243192&>> dicapai 30 Disember 2023.

43 T. A. van Dijk (n 41) 463-465.

pengarang daripada khazanah kenangannya itu yang terlalu membekas di hati yang boleh jadi daripada kenangan indah dan kenangan sedih.

Berdasarkan dapatan daripada entri-entri, kajian mendapati terdapat sebahagian pantun diucap sebagai lakuan bahasa dalam perbahasan juga mencapai ciri-ciri di atas. Antara seleksi pantun yang paling ketara adalah;

<b>Seleksi 7: Seleksi Contoh Pantun Berciri Dunia Luas yang Dipadatkan</b>	
(7.1) <i>Dari Mersing sampai Kelantan, Daerah baharu ECER ialah Segamat, Rancangan baik kerajaan dialu-alukan, Pembangunan Kelantan diharap sangat</i>	(7.5) <i>Jambatan besi ada di Tawau; Jambatan besi juga didirikan di Kota. Jawapan sudah pun diberi oleh anak Rembau; Yang juga Menteri Kesihatan kita</i>
(7.2) <i>Ada damak ada ipuh; Naik ke bukit nampak sumpitnya; Emas perak senang disepuh; Besi buruk nampak karatnya</i>	(7.6) <i>Mari pergi ke Kampung Boyan; Pergi bersama dengan Pak Abu; Terima kasih atas soalan; Insya-Allah saya cuba jawab satu per satu</i>
(7.3) <i>Anak teruna merantau ke Belaga; Mudik nanti membawa raga; AyuhbersamamemperjuangkanMA1963; Sejahtera Malaysia kita sekeluarga</i>	(7.7) <i>Bandar Pasir Mas di negeri Kelantan; Bandar sempadan Rantau Panjang. Jangan rancangan hanya rancangan, Tahun 2025 masih dok angan-angan</i>
(7.4) <i>Bunga dedap di atas para, Anak Dusun pasang pelita, Kalau tersilap tutur bicara, Jemari disusun maaf dipinta</i>	(7.8) <i>Datang ke Parlimen bermuka ceria; Bentara tolong bukakan pintu; Awal Bismillah pembuka bicara; Soalan saya nombor satu</i>

### **Mainan Kiasan dan Saranan**

Selain itu, menurut teori PSM, pantun yang indah-indah juga mempamerkan corak permainan kiasan dan saranan dengan maksud pengarang mempunyai strategi tertentu untuk memanipulasikan citra-citra supaya terhasil bentuk-bentuk pantun yang menyentuh, mengejek atau menggoda hati pendengar.

Prinsip kiasan menghindari sifat terlalu terang-terangan yang merosakkan 'kehalusan' pantun, juga, menghindari bentuk-bentuk pantun janggal yang tidak logik pada akal dan sistem sosial masyarakat yang berpunca daripada kecacatan pengalaman dan pemikiran pengarang.

Antara ciri pantun dengan kiasan yang cemerlang adalah pada baris pembayang pun pengarang berhasil membentuk dunia pembayang dengan susunan kata-kata yang dapat membawa sifat, ciri atau wujudnya yang sama dengan baris maksud. Tanpa persamaan sifat, ciri atau wujud kata-kata itu, pantun yang terhasil hanya bergantung kepada ritma. Namun, persamaan itu tidak boleh terlalu ketara. Jadi, pendengar perlu masuk ke dalam dunia *terra incognita* dan daripada kesamaran itu pendengar turut sama meneroka ruang makna. Lebih samar itu lebih misteri, justeru mencabar upaya minda pendengar. Itulah tarikan utama seni berpantun.

Prinsip kiasan berpantun juga adalah kerana orang Melayu mementingkan maruah atau air muka. Oleh sebab itu, pantun asli Melayu mampu menyampaikan hajat pewacana, tetapi tidak secara terus kerana merisikokan 'jatuhnya air muka' pemantun atau pendengar pantun.

Dalam tinjauan pantun, didapati beberapa bentuk kiasan juga dimanfaatkan oleh Ahli-ahli Parlimen Dewan Negara untuk mengkritik dasar-dasar, seseorang, atau sekelompok, terutamanya yang berlainan ideologi. Dapatan diperoleh adalah seperti berikut;

<b>Seleksi 8: Seleksi Contoh Pantun Berciri Mainan Kiasan dan Saranan</b>	
(8.1) <i>Apa diharap padi sebandang; Daun lebat ditiup bayu; Apa diharap budi orang; Tidak sama budinya ibu</i>	(8.5) <i>Burung perling matanya merah; Mari hinggap di pohon kekabu; Saya mengerling bukannya marah; Hati di dalam bagai digaru</i>
(8.2) <i>Sayang rokok hisap di mulut; Asapnya bergulung hingga ke pipi; Tuan bercakap manis di mulut; Saya mendengar pedih di hati</i>	(8.6) <i>Sirih ada pinang pun ada; Saja saya tak letak di tapak; Kasih ada sayang pun ada Saja saya tak beri nampak</i>
(8.3) <i>Bunga melur bunga melati; Mari pakai di ufuk hati; Budaya orang kita, yang tua dihormati; Yang muda dikasihi</i>	(8.7) <i>Dari jauh tersenyum sinis; Ingat teruna pada si dara; Berhadapan saja mulutnya manis; Paling belakang lain bicara</i>
(8.4) <i>Nasi dingin bersayur mumbang; Sayur dimasak dalam belanga; Kami tidak ingin melihat kumbang; Kalau kumbang merosakkan bunga</i>	(8.8) <i>Cantik si dara di sebalik tabir; Buat si teruna ternanti-nanti; Bicara jangan sekadar di bibir; Biar seiring tujuan di hati</i>

## Dunia Berjodoh

Teori PSM juga menyatakan bahawa sebuah pantun yang baik, menampilkan jalinan harmoni antara dua dunia, iaitu dunia alam raya dan dunia manusia. Dua dunia ini juga disebut, dunia luaran dan dunia dalaman. Dunia alam raya atau dunia luaran berupa gambaran suasana, latar dan keadaan misalnya pepohon, bebunga, mergastura, sungai, laut, teluk, direnungi, diperhalusi dan dipersenikan ekosistemnya untuk menuntun pembaca kepada makna yang hendak disampaikan pada rangkap kedua. Di peringkat ini, daya kreativiti lewat renungan yang tajam amat dituntut pada pengarang kerana pewacana perlu memerhatikan sifat, wujud, dan fungsi-fungsi objek alam persekitaran itu dan hubungannya dengan kehidupan manusia.

Hasil renungan, perhalusan dan persenian itulah kemudiannya berpindah ke dunia manusia, iaitu pada rangkap kedua yang menyatakan maksud pantun sama ada berbentuk perasaan, fikiran atau nasihat.<sup>44</sup> Perpindahan antara dua dunia pada kedua-dua rangkap ini harus harmoni dan berimbang pada sifat dan wujud. Tidak boleh bertingkah atau terputus hubung kait logika antara dunia alam raya dan maksud pada dunia manusia. Berdasarkan tinjauan data-data yang diperoleh, berikut merupakan pantun-pantun yang didapati memperlihatkan prinsip dunia berjodoh;

Seleksi 9: Seleksi Contoh Pantun Berciri Dunia Berjodoh	
(9.1) <i>Budak-budak bermain tombak; Tombak diikat dengan rantai; Kalau takut dilambung ombak; Jangan berumah di tepi pantai</i>	(9.5) <i>Anak muda naik mendaki; Dibawa jauh ke tanah tinggi. Kalau tidak berhati-hati; Mungkin pandemik akan parah lagi</i>
(9.2) <i>Tegak rumah kerana sendi; Runtuh sendi rumah binasa. Tegak bangsa kerana budi; Runtuh budi hilanglah bangsa</i>	(9.6) <i>Bertiup angin bersama khabar, Menusuk ke setiap pancaindera; Bara jangan dibiarkan terbakar, Kelak binasa rumah kita</i>

44 E. M. Hussain, T. I. M. T. M. Ali, dan S. Jaafar, 'Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu' (2015) 26(1) *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 235-255 <<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9702>> dicapai pada 31 Disember 2022.

<p>(9.3)  <i>Kalau hendak membeli cermin,          Belilah cermin tembus cahaya;          Kalau mahu menjadi pemimpin,          Jadilah pemimpin lurus bicara.</i></p>	<p>(9.7)  <i>Beras segantang sudah disukat;          Lalu disimpan di atas para.          Andai pemimpin sama muafakat;          Negara damai, rakyat sejahtera</i></p>
<p>(9.4)  <i>Kalau hendak pergi memancing;          Jangan lupa membawa umpan.          Kalau kita tidak mahu lagi dikencing;          'Katak politik' mesti kita hapuskan</i></p>	<p>(9.8)  <i>Kalau meniup seruling bambu;          Siapa yang ikut akan terbuai.          Kalau hidup saling membantu;          Mana yang kusut akan selesai</i></p>

### **Sama Ukuran**

Menurut teori PSM pantun yang puitis merupakan pantun seimbang teknikalitinya. Pantun seimbang mempunyai jumlah perkataan atau suku kata, bunyi muzik yang sama bilangannya pada rangkap pembayang dan rangkap maksud. Jumlah-jumlah tidak boleh terlalu berlebihan dan tidak boleh pula kurang yang lalu menampakkan ketidakseimbangan. Ukuran teknikal yang seimbang bukan sahaja dapat dilihat pada bentuk pantun bertulis, tetapi juga dapat didengar pada bentuk lantunan irama dan pada makna yang memaparkan silogisme maksud.

Walau bagaimanapun, sesetengah pantun Melayu tulen pun ada kalanya agak melanggar prinsip ini. Tidak banyak, tetapi ada. Contohnya jumlah perkataan atau suku kata yang tidak seimbang antara salah satu baris atau ritma konvensional a-b-a-b tidak digunakan sebaliknya menggunakan ritma a-b-a-c.<sup>45</sup> MSM berpandangan, meskipun harmoni merupakan elemen yang mustahak dalam pertukangan pantun namun, harmoni bukanlah tujuan utama pantun kerana jika terlalu harmoni, ia mengehadkan aneka citra pantun dan membosankan.

Ada juga pantun yang jika ditulis, jumlah perkataannya tidak seimbang. Namun, apabila dilantunkan iramanya dengan tepat dan betul, iramanya itu akan melindungi ketidakseimbangan pada jumlah perkataan atau suku kata pantun. Daripada dapatan data kajian, didapati pantun-pantun yang memperlihatkan aspek sama ukuran adalah seperti berikut;

45 Salleh (n 4) 248-250.

<b>Seleksi 10: Seleksi Contoh Pantun Berciri Sama Ukuran</b>	
(10.1) <i>Rangkap-rangkap di hulu; Ada durian di kemudian. Yang sudah bercakap habislah dahulu; Yang hendak jawab ada kemudian</i>	(10.5) <i>Mari kita pancing ikan; Sila berucap teruskan</i>
(10.2) <i>Ijok-ijok tali perahu; Tali bemban dibuat rakit. Esok-esok baru tahu; Menaruh dendam bawa penyakit</i>	(10.6) <i>Emas berlian cincin suasa; Perhiasan diri buat pusaka. Manalah tahu tertikam bisa; Niat di hati baik belaka</i>
(10.3) <i>Daun palas taruh direndam; Bemban sebatang bawa beradu. Saya malas menaruh dendam; Dendam sebulan setahun rindu</i>	(10.7) <i>Pandai menyukat; Pandai menghitung. Tak pernah dekat-dekat; Tetapi sampai ke batang hidung</i>
(10.4) <i>Kacang bukan sebarang kacang; Kacang soya dibuat tauhu. Rancang bukan sebarang rancang; Kuasa Allah siapa yang tahu</i>	(10.8) <i>Hijau menguning, padi di sawah; Tunduk berisi, bagai nak rebah. Pendirian kukuh, tak goyah; Menghadap cabaran, tak gelabah</i>

### **Muzik Seiring Kata**

Pantun sememangnya merupakan seni puisi yang terkenal kerana irama harmoni senada serta ritmanya bersilang-silang umumnya. Bunyi-bunyi sedemikian menimbulkan semacam keriang dengan adanya irama menurun dan menaik lewat permainan vokal dan konsonan yang kompleks. MSM menyatakan bahawa, muzik pantun Melayu Asli 'yang indah-indah' memperlihatkan bunyi-bunyian bergema, saling sahut-menyahut dan berulang-ulang dan fenomena ini tidak terletak hanya di hujung baris. Letak fenomena ini relatif, mungkin pada awalan baris, di pertengahan atau seperti kebiasaannya di akhir baris. Juga, boleh terjadi lewat teknik menyalin konsonan (aliterasi), menyalin vokal (asonansi), menyalin kata di baris awal baris (anafora) atau di akhir (epifora). Teknik-teknik ini boleh berbentuk dalam dua pasang ataupun tiga pasang baris dengan ciri-ciri di atas sama ada berturutan atau berselang-seli.

Dalam teknik asonansi misalannya, pengarang bermain dengan jalinan antara bunyi-bunyi vokal hadapan seperti /i/,/e/,/ε/ dan /a/ atau selang-sela antara bunyi-bunyi vokal belakang seperti /u/,/o/ dan

/o/ atau menggabungkan antara dua kategori bunyi vokal tersebut selain mahir bermain dengan diftong Melayu seperti /ai/,/au/ atau /oi/, bentuk-bentuk digraf, vokal berganding dan konsonan bergabung. Apa yang penting adalah pada akhirnya, suatu ekosistem irama dengung dalaman yang tingkah-meningkah, sahut-menyahut itulah yang akan membangkitkan keasyikan kepada pendengar. Tinjauan daripada data mendapati, beberapa pantun menonjolkan ciri-ciri muzik seiring kata adalah seperti berikut;

<b>Seleksi 11: Seleksi Contoh Pantun Muzik Seiring Kata</b>	
(11.1) <i>Helang terbang mencari makan; Terbang tinggi mekar di atas. Puan Timbalan Yang di-Pertua mohon izinkan; Atur bicara mulakan bahas</i>	(11.5) <i>Apa diharap padi seberang; Entah menjadi entahkan tidak. Apa diharap kasihnya orang; Entahkah sudi entahkan tidak</i>
(11.2) <i>Alang-alang berdakwat biar hitam; Alang-alang berminyak biar licin. Alang-alang menyeluk pekasam; Biar sampai ke panggai lengan</i>	(11.6) <i>Dari Arau pergi ke Tumpat, Bawa bekal berupa ketupat; Tolong jawab dengan cepat, Soalan saya nombor empat</i>
(11.3) <i>Di sana padi, di sini padi; Itulah nama sawah dan bendang. Di sana budi, di sini budi; Barulah sempurna bernama orang</i>	(11.7) <i>Kerakap tepi pematang; Pematang ada di sana. Bercakap jangan panjang; Bertandang jangan lama</i>
(11.4) <i>Lompat si katak lompat; Tersalah lompat masuk perigi. Lompat parti jangan tidak lompat; Perbuatan keji menghina diri</i>	(11.8) <i>Pat-pat siku lipat; Soalan saya nombor empat</i>

### **Patut dan Sesuai**

Untuk memahami prinsip ini, kita perlu kembali kepada makna perkataan ‘patut’. ‘Patut’ menurut kamus bermaksud “baik lagi elok (perangai, perbuatan, dll.) senonoh, layak sesuai (untuk melakukan sesuatu dll.), sepadan, sesuai benar, berpadanan, seimbang, setimbang, tidak boleh tidak, mesti dan wajib”.<sup>46</sup> Manakala, menurut MSM, ‘patut’ dalam

46 Lihat <<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=patut>> dicapai 30 Disember 2023.

istilah kesusasteraan adalah "...yang sesuai untuk sesuatu baris, sesuatu untuk konteks dan sesebuah karya". Prinsip 'patut' memandu pengarang supaya memilih dan mereka bentuk pantun dalam bentuk yang tidak berlebih-lebihan, sederhana dan tepat mengikut konteks suasana dan maksud yang ingin diangkat.

Menurut sumber daripada teks-teks Melayu Klasik, yang dikatakan patut dan sesuai itu tampak pada dua ciri, iaitu hasil seni yang tidak 'janggal' dan kesannya apabila dibacakan harus terasa 'manis'. Maksud 'janggal' daripada segi perkamusan adalah "*tidak sedap dilihat atau didengar, atau canggung, tidak laras*". Manakala, 'manis' pula akan menampilkan hasil seni yang sedap didengar sopan, lemah lembut dan kena pada tempatnya. Pendengar mengesani ciri 'manis' ini lewat aneka ragam dunia- yang dimetaforakan oleh pengarang dalam pantunnya. Hasil pantun yang 'manis' tidak sama mutunya dengan pantun biasa kerana untuk mencapai tahap itu, pengarang bukan sahaja perlu berwaspada dengan kata-kata yang kesat atau gopoh, pengarang juga perlu memastikan intonasi yang selaras, harmonika ritma dan makna yang akan ditanggapi oleh pendengar itu pula haruslah logik.

Prinsip dan patut juga tidak semata menekankan kepada hal-hal kepengarangan pantun. Malahan turut menitikberatkan tentang cara pemantun itu kemudiannya melafazkan pantun yang dikarang. Ini disebut oleh MSM sebagai 'gerak yang patut'. Ketika membacakan pantun terdapat semacam had laju yang perlu dipatuhi oleh pemantun berpandukan irama bunyi-bunyi menaik dan menurun. Pengarang pantun Melayu Asli juga sangat prihatin tentang tataatur imej atau citra yang dipaparkan. Daripada citra pada baris pertama akan dihubungkan dengan baris-baris seterusnya dengan tertib dan mengikut susunan yang patut. Berdasarkan tinjauan daripada data, berikut adalah pantun-pantun yang mempamerkan ciri-ciri patut dan sesuai;

<b>Seleksi 12: Seleksi Contoh Pantun Patut dan Sesuai</b>	
(12.1) <i>Orang ramai pergi ke sawah; Letak dia di sebelah padi. Jangan YB rasa susah; Disambung kelak lain kali</i>	(12.5) <i>Kalau hendak menjerat rusa; Siapkan tali disimpul erat. Kalau hendak berbuat jasa; Tetapkan hati betulkan niat</i>
(12.2) <i>Kalau tuan memakan pauh; Bersama nasi berlauk tenggiri; Kalau Ahli-ahli YB pergi jauh; Pandai-pandailah YB menjaga diri</i>	(12.6) <i>Dari Langat ke Tanjung Sepat; Singgah sebentar di Kanchong Darat; Pelantikan Tan Sri adalah tepat; Moga Dewan diangkat darjat</i>



<p>(12.3)  <i>Ayam hutan terbang ke hutan;  Tali sangkut pagar berduri;  Adik bukan saudara pun bukan;  Hati tersangkut kerana budi</i></p>	<p>(12.7)  <i>Simpan buah dalam raga,  Cincin emas cincin suasa,  Kasih ibu membawa ke syurga,  Kasih bapa sepanjang masa</i></p>
<p>(12.4)  <i>Apa tanda si pohon kayu;  Lebat daunnya elok bersusun;  Apa tanda orang Melayu,  Halus budinya bijak berpantun</i></p>	<p>(12.8)  <i>Emas berlian cincin suasa;  Perhiasan diri buat pusaka.  Manalah tahu tertikam bisa;  Niat di hati baik belaka</i></p>

## Perbincangan

Berdasarkan data di atas, analisis mendapati kebanyakan pengalaman dunia yang dimanfaatkan dalam wacana pantun di Parlimen adalah daripada sumber-sumber lokal pemantun. Antaranya seperti nama-nama kampung atau daerah yang hampir dengan pemantun seperti ‘Kampung Boyan’ dalam pantun Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar; ‘Belaga’ dalam pantun Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan; ‘Pasir Mas’ dan ‘Rantau Panjang’ dalam pantun Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Selain itu, terdapat juga penggunaan objek-objek sekitaran masyarakat asli Semenanjung dan Borneo seperti dalam pantun (7.2) dan (7.5) oleh Dato’ Isa bin Ab. Hamid serta (7.4) oleh Datuk John Ambrose. Kedua-duanya Senator yang dilantik mewakili masyarakat Orang Asli.<sup>47</sup> Kecenderungan lokaliti juga berbentuk nama-nama dasar kerajaan dan isu semasa, iaitu ECER dan MA1963 di lokaliti pemantun seperti dalam pantun (7.1) selain pengalaman di Parlimen (7.8).

Peristiwa bahasa yang melatari wacana Parlimen tekal dengan fitur-fitur berbentuk cadangan, penghujahan, penilaian, perkongsian dan terutama sekali kritikan. Oleh sebab itu, kita dapati pada pantun (8.2), (8.3), (8.4), (8.5), (8.6), (8.7) dan (8.8) sarat dengan bentuk-bentuk teguran dan kritikan. Akan tetapi, pemantun ketika berpantun didapati masih berwaspada dengan risiko ‘jatuhnya air muka’ khalayak sasaran. Ini dengan cara tidak menyebut mana-mana pihak, parti atau individu.

Pantun-pantun perbahasan tekal menggunakan unsur-unsur samar dengan objek-objek tradisi pantun dalam baris pembayang, iaitu ‘anak dara’, ‘anak teruna’, ‘burung perling’, bunga-bunga, rokok, nasi dingin,

47 Lihat <<https://www.nst.com.my/news/nation/2019/04/481829/isa-ab-hamid-sworn-senator-second-term>> dicapai 15 Disember 2022.

padi dan sirih. Kesamaran pada pembayang itu kemudiannya beransur-ansur terang ke ruang makna yang tepat dan jelas seperti; "*Tuan bercakap manis di mulut, Saya mendengar pedih di hati*" dan "*Berhadapan saja mulutnya manis; paling belakang lain bicara*". Pada pantun (8.5) dan (8.8) didapati pada baris pembayang dan makna terdapat keselarian pilihan "*Burung Perling matanya merah-saya mengerling bukannya marah*"; perilaku "*Si teruna ternanti-nanti dengan-bicara jangan sekadar di bibir*". Keselarian hubungan inilah yang disebut-sebut sebagai keunggulan penukangan pantun Melayu oleh Zaaba<sup>48</sup> dan MHS. Pengkaji Barat bahkan menganggap pantun sebagai jasad dan roh (*body and soul*)<sup>49</sup> atau ibarat kumandang dengan bunyi, iaitu tautan kesamaan makna yang diperindahkan lagi dengan keselarian bunyi.<sup>50</sup>

Kajian juga mendapati, terdapat pelbagai bentuk penjodohan antara dunia luaran dengan dunia manusia dalam pantun-pantun perbahasan Dewan Negara. Hubungan antara dua dunia terjalin pada baris pembayang dan makna kelihatan bersifat harmoni, logik dan tidak kontradiktif. Berdasarkan data, 'dunia-dunia luaran' dimanfaatkan mampu menyerlahkan sifat, wujud, dan fungsi-fungsi objek seperti "budak-budak yang bermain tombak", "sendi rumah", "cermin tembus cahaya", "pancing dan umpan", "seruling bambu", beras, angin yang bertiup serta anak muda yang mendaki ke tanah tinggi. Berdasarkan data, didapati seleksi objek-objek pantun wacana politik, sepertinya lebih ekstensif daripada pantun-pantun dalam wacana khusus yang cenderung kepada objek tumbuhan dan haiwan.<sup>51</sup> Namun, cakupannya masih dalam lingkungan alam kosmologi Melayu tradisional.<sup>52</sup> Taakulan daripada sifat, wujud, dan fungsi-fungsi objek tersebutlah lalu digarap menjadi nasihat seperti "usah berani-berani jika tidak mahu menanggung risiko", "pentingnya budi membina bangsa", "sikap ketelusan pemimpin", "jangan menipu seperti mengumpan ikan", "berhati-hati dengan risiko seperti mendaki", "jangan biarkan khabar angin berleluasa", "sepakat apabila keputusan telah diambil" serta "nilai murni yang dibuat bersama

---

48 Zaaba. (n 2) 187-190.

49 F.R. Daillie, *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).

50 V.I. Braginsky, *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastra Melayu dalam Abad 7-19* (Jakarta, INIS, 1998).

51 M. H. Eizah, 'Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata' (Tesis Keadoktoran, University of Malaya 2016).

52 H. Zurinah, *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu Moden* (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).

akan mempengaruhi dan menyelesaikan masalah". Nyata, ketelitian memilih simbol daripada alam kosmologi Melayu dan keselariannya membentuk sebuah nasihat adalah inti keindahan pantun<sup>5354</sup> dan ciri-ciri inilah antara elemen terpenting untuk mengangkat kualiti pantun perbahasan.

Selain itu, analisis juga mendapati terdapat keseimbangan bunyi-bunyi, suku kata dan bilangan perkataan terkesan dalam himpunan data. Keseimbangan bunyi-bunyi dikesan pada tiga tempat, pangkal baris seperti 'ijok-ijok' dengan 'esok-esok'(10.2), pengulangan pada pantun (10.4) dan (10.7), di tengah baris 'palas-malas'(10.3) dan 'rangkap-cakap'(10.1) serta yang paling ketara sekali adalah ritma suku kata di akhir baris, '/-lu//an//lu//an/'(10.1), '/-hu//it//hu//it/'(10.2), '/-am//du//am//du/' (10.3), '/-ang//hu//ang//hu/'(10.4), '/sa//ka//sa//ka/'(10.6), '/-kat//ung//kat//ung/'(10.7), /-wah//bah//yah//bah/(10.8). Pengulang terbentuk di peringkat kata, frasa dan ayat sama ada dalam bentuk empat dan dua baris. Bilangan perkataan juga lazimnya antara empat hingga lima perkataan sahaja sama ada untuk semua baris ataupun berselang-selang antara baris dalam satu rangkap. Secara pengucapan pula, jeda dalam Seleksi 10 terletak berseragam, iaitu selepas dua perkataan terawal setiap baris. Deskripsi contoh adalah seperti di bawah;

# Rangkap-rangkap # di hulu #  
 # Ada durian # di kemudian #  
 # Yang sudah bercakap # habislah dahulu #  
 # Yang hendak jawab # ada kemudian #  
 # Hijau menguning # padi di sawah #  
 # Tunduk berisi # bagai nak rebah #  
 # Pendirian kukuh # tak goyah #  
 # Menghadap cabaran # tak gelabah #

Daripada aspek muzik bahasa, analisis mendapati Seleksi 11 di atas menunjukkan adanya orkestra bunyi-bunyi, iaitu pada vokal, konsonan, diftong dan digraf berunsurkan paralelisme terutamanya pada perkataan yang sama ukuran. Misalannya, paralelisme pengulangan penuh dipangkal sintaks seperti 'alang-alang' (11.2), 'apa diharap' (11.5), 'di sana-disini' (11.3) dan 'lompat' (11.4). Pengulangan penuh di tengah

53 Eizah (n 44) 136.

54 A.B. Zainal dan R. Ramli, *Pantun Warisan Rakyat* (Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2008).

sintaks seperti 'entahkan' (11.5) dan 'jangan' (11.7). Selain itu, didapati juga bentuk muzik bahasa yang paling ketara adalah paralelisme berbentuk suku kata sama ada perkataan di awalan, pertengahan dan akhir dalam sintaks masing-masing. Awalan contohnya adalah /-lang/ antara baris pertama dan kedua pantun (11.1), /-kap/ dan /-ang/ berselang-seli dalam pantun (11.7). Paralelisme pertengahan pula adalah seperti '-ber' sintaks pertama dan kedua dalam pantun (11.2), /-di/ berselang-seli dalam pantun (11.3) dan antara sintaks pertama dan kedua dalam pantun (11.5). Paralelisme suku kata pada akhir sintaksis pula bentuknya kita dapat lihat boleh terjadi antara tiga dengan dua suku kata /-kan//as//kan//as/ (11.1), tiga dengan satu suku vokal /-pat//i//pat//i/ (11.4) dan /-ang//a//ang//a/ (11.7), tiga dengan tiga suku kata /-ang//dak//ang//dak/ (11.5) dan /-pat//pat//pat//pat/ (11.6) dan /-pat//pat/ (11.8). Di sini kita dapati benang-benang bunyi sahut-menyahut, gema-bergema, tingkah-meningkah melibatkan kepelbagaian perkataan dan suku kata. Orkestra bunyi ini menyerlahkan irama-irama dengung yang merupakan keunggulan pantun-pantun perbahasan yang diteliti.<sup>55</sup>

Berdasarkan Seleksi 12, didapati terdapat beberapa bentuk yang menyerlahkan ciri patut dan sesuai. Bentuk pertama yang menandai ciri ini ialah citra yang harmoni antara baris, sederhana dan tidak janggal seperti mana dalam kesemua Seleksi 12, masing-masing mengekalkan pasangan objek yang harmonis, iaitu tentang padi dan pesawah, buah dan lauk, ayam hutan dan pagar, pohon dan sifatnya, rusa dan alat menjratnya, daerah-daerah di Kuala Selangor, sifat penyayang ibu bapa dan perhiasan emas dan suasa.

Kedua yang menandai ciri patut dan sesuai ini adalah keselarasan antara pembayang dan maksud. Dalam pantun (12.3), lakuan ayam hutan yang ingin terbang ke hutan tetapi tiba-tiba tersangkut di pagar berduri diinspirasi untuk menyampaikan maksud rasa kasih sayang yang timbul tanpa disangka-sangka. Pantun (12.4) bercerita tentang tanda-tanda pohon yang indah, iaitu berdaun lebat dan tersusun yang membayangi baris maksud, iaitu Melayu sejati itu terletak pada kehalusan budi dan kebijaksanaan berpantun. Pantun (12.5) pula bercerita mengenai persediaan menangkap rusa yang merupakan pembayangan kepada maksud persediaan khalayak pendengar supaya membetulkan niat sebelum berbakti.

Citra yang harmoni, sederhana, tidak janggal serta keselarasan antara pembayang dan maksud dilihat menjadikan pantun-pantun

---

55 Salleh (n 4) 251-300.

ini kedengaran manis-manis. Seleksi pantun di atas menepati prinsip keindahan dengan mengelakkan unsur-unsur jijik, lucah dan berkonotasi negatif.<sup>56</sup> Kemanisan ini diperkuatkan lagi dengan pemilihan pembayang yang indah-indah seperti emas berlian, cincin suasa, pepohonan yang indah dan makanan yang baik.

Selain itu, berdasarkan tinjauan juga mendapati terdapat beberapa bentuk yang tidak atau kurang memenuhi ciri pantun. Ini selari pandangan beberapa pengkaji yang mendapati perubahan fitur sosial masyarakat Melayu beralih dari era tradisional ke era moden mempengaruhi kualiti pantun yang dihasilkan oleh generasi bukan tradisional ini.<sup>57</sup> Berdasarkan teori PSM, didapati pantun-pantun yang kurang memenuhi ciri pantun puitis adalah seperti berikut;

<b>Seleksi 13: Seleksi Contoh Pantun Kurang Memenuhi Ciri Pantun</b>	
(13.1) <i>Bercabang tiga si Gunung Daik, Kubur pandang nampak di pinggir; Sudah dua tahun prestasi Pakatan kurang baik, Rakyat sudah lemas dan mula menggigil.</i>	(13.5) <i>Senator Apandi dari Jeli, Di negeri Kelantan lokasinya hulu; Seluruh Senator ucap Happy Deepavali, Kepada sahabat beragama Hindu.</i>
(13.2) <i>Pohon selasih di dalam kolam, Anak haruan berenang-renangan; Terima kasih saya ucapkan, Budi Tuan Yang di-Pertua menjadi kenangan</i>	(13.6) <i>Tak kira ribut atau taufan, PH mampu membawa negara ke hadapan; Politik, agama dan perkauman, Tak laku lagi sebagai umpan.</i>
(13.3) <i>Buah cempedak di luar negara, Harapkan pegar, pegar makan padi; Dulu menjerit hapuskan kuota bumiputera, "Malaysian Malaysia" masihkah perjuangan DAP?</i>	(13.7) <i>Belia merempit berputar-putar, Bila jatuh terlanggar papan; Menteri kacak lagi pintar, Membawa belia maju ke hadapan.</i>

56 M.P. Harun, 'Realiti Dan Kreativiti Pantun Melayu' dlm. W.Y. Wan Abdul Kadir (ed.), *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

57 N.A. Theis, A.A. Omar, N.A.I. Samin, dan A. N. Hisham, 'Penggunaan Pembayang Unsur Alam dalam Pantun Siber: Analisis Kelogikan' (E-Proceeding: Insan Junior Researcher International Conference (iJURECON), Nilai, 2020) <<https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/7436>> dicapai 29 Disember 2022.

<p>(13.4) <i>September Hari Malaysia, Dari Perlis ke Sabah dirayakan bersama; Vaksin COVID-19 yang muktamad belum dijumpa, Kerana itu janganlah leka berjaga-jaga.</i></p>	<p>(13.8) <i>Pekerja asing negara hebat Memang menjadi idaman semua; Apa-apa saja undang-undang yang dibuat, Biarlah untuk kebaikan bersama.</i></p>
--	--

Berdasarkan Seleksi 13, beberapa ciri pantun yang tidak memenuhi keenam-enam prinsip PSM adalah atas sebab-sebab yang berikut;

- (i) melanggar prinsip sama ukuran, iaitu (13.1), (13.4);
- (ii) melanggar prinsip patut dan sesuai, iaitu (13.2), (13.7), (4.2), (4.4);
- (iii) melanggar prinsip dunia berjodoh, iaitu (4.1), (13.3);
- (iv) melanggar prinsip muzik seiring kata, iaitu (13.1), (13.2), (13.4); dan
- (v) melanggar prinsip kiasan dan saranan, iaitu (4.11), (4.21) (4.12);

Faktor yang paling ketara memberi kesan negatif kepada nilai puitika adalah penggunaan bahasa kesat, kasar dan gopoh dalam menyampaikan maksud. Ini bertentangan dengan prinsip mengelakkan perkataan dan bunyi-bunyi yang “*tidak sedap dilihat atau didengar, atau canggung, tidak laras*”. Misalannya “pohon selasih di dalam kolam” adalah kenyataan yang janggal. Manakala, pantun (13.7), (4.2) dan (4.4) mempunyai istilah berkonotasi buruk seperti ‘belia merempit’, ‘BN-kleptokrasi’, ‘Pejamabuk kuasa’. Ini telah sama sekali menjatuhkannya air muka kumpulan umur atau orang yang ditunjukkan pantun. Kedua, pemantun terlihat gopoh mengesampingkan kiasan pada baris sintaks seperti pantun (4.11), (4.21) dan (4.12). Ketiadaan objek kiasan, terus memadatkan dengan maksud ingin disampaikan boleh mengelirukan sama ada bentuk tersebut adalah pantun atau genre-genre lain seperti syair, puisi atau gurindam.

Ketiga, pantun kurang puitis disebabkan ada kontradiksi atau kesenjangan keterlaluan antara sintaks pembayang dan sintaks maksud. Berdasarkan contoh (4.1) dan (13.3) pemantun gagal mengaitkan antara sifat, wujud dan fungsi ‘buah cempedak’, ‘galah’ dengan politik kolej KTAR dan buah ‘cempedak’, ‘pegar’ dengan dan kuota bumiputera. Ini kerana, pantun terlalu bergantung hanya semata-mata supaya berbunyi sama di awal ayat. Terdapat juga pantun yang dikarang, terlalu meleret-

leret lalu tidak mematuhi prinsip sama ukuran. Ukuran perkataan pantun (13.1) misalnya adalah 5-5-7-6 manakala (13.4) adalah 3-6-6-5. Ini seterusnya mengganggu ritma bunyi pada kedua-dua contoh tersebut. Pantun 13.1 dengan ritma /-ik//ir//ik//il/, pantun (13.2) dengan ritma /-lam/-gan//kan//gan//dan pantun 13.4 dengan ritma /-ia//ma/-pa//ga/. Tambahan, pemantun tidak menangani perbezaan bunyi-bunyi dengan memilih diksi yang homofon sama ada di awal baris atas tengah baris

Intinya, pemilihan kata adalah sangat penting.<sup>58</sup> Pantun sangat bergantung kepada kekayaan perkataan-perkataan yang terkumpul berupa pengalaman pengarang atau dalam teori PSM disebut pengalaman dunia yang luas.<sup>59</sup> Pemilihan kata yang unggul mencerminkan harmonika bunyi-bunyi dan makna, sarat menampung kiasan, tepat menebak maksud, kata-kata asli, tradisi, dekat dengan alam Melayu dan boleh juga kata-kata yang jarang digunakan untuk menunjukkan wibawa perbendaharaan kata pemantun. Inilah yang disebut oleh Zaaba sebagai 'bentuk sempurna', 'ciri dalaman dan ciri luaran' bagi Harun Mat Piah, 'ibarat kumandang dengan bunyi' bagi Braginsky dan dinamakan MHS sebagai 'yang indah-indah'.

## Kesimpulan

Rumusan daripada analisis wacana politik van Dijk mendapati pantun-pantun sebagai lakuan bahasa dalam wacana Parlimen sama ada ditukangi sendiri, disalin terus daripada korpus pantun sedia ada mahupun diubah suai sedikit daripada pantun asal jelas memiliki peranan penting dalam hubungan bahasa dan kuasa. Ahli-ahli Senator Dewan Negara khususnya yang mempunyai kecenderungan politik tertentu menggunakan pantun untuk tujuan evaluasi dasar dan kritikan terhadap parti lawan menggunakan isu-isu semasa untuk memperkukuhkan dan merobohkan legitimasi antara satu sama lain.

Keenam-enam prinsip PSM yang terkesan menunjukkan keanekaragaman kekuatan dalam seleksi pantun. Masing-masing pantun memiliki kekuatan tersendiri misalnya ada yang sarat dengan citra dunia, ada yang anggun bermain dengan kiasan, ada juga yang unggul mengaspirasikan unsur-unsur alam, ada tampak indah dengan tatasunan

---

58 R. Setyadiharja, *Khazanah Negeri Pantun* (Yogyakarta, Deepublish, 2020).

59 N. A. F. Zuraimi, 'Estetika Dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu: Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu' (Thesis Kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan, 2022).

kata serta ada pula yang begitu ceria dengan permainan muzik yang harmoni. Pun begitu, terdapat juga pantun-pantun yang memiliki dua, tiga atau kesemua prinsip keindahan PSM. Dapat disimpulkan, 'yang indah-indah' dalam seleksi data bersifat dinamik dan relatif.

Mengenai bentuk-bentuk pantun yang bersifat 'buruk' dan 'cacat', ini adalah kerana pantun dimanipulasikan secara '*mala fide*', sedangkan pantun Melayu adalah seni yang menuju ke arah keindahan, kebaikan serta keharmonian. Justeru, tidak wajar seni ini dimanipulasikan untuk agenda dikotomi politik dan ideologi mana-mana pihak.

## Rujukan

- Abdul Halim A., 'Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional' (2011) 2(1) *PENDETA-Jurnal Bahasa dan Sastra*.
- Abdul Halim A., *Kritikan Estetik Dalam Kesusasteraan Melayu: Satu Pandangan Baharu* (Perak, Universiti Sultan Idris, 2012).
- Affandi H. M., *Yang Hampas dan yang Bernas dalam Teori Sastra Malaysia* (Kuala Lumpur, Dewan Sastra, 1991).
- Ahmad M.T., *Kurik Kendi Merah Saga* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020).
- Aman R., 'Bahasa Dan Kuasa: Analisis Wacana Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11' (2008) *Akademika*.
- Anwar K., 'Tradisi Sastra Johor-Riau: Suatu Kajian Terhadap Syair Sejarah' (Tesis Kedoktoran, Nanyang Technological Institute, 2016).
- Bernama 'Isa Ab Hamid Sworn In As Senator For Second Term' *New Straits Times* (2019) <<https://www.nst.com.my/news/nation/2019/04/481829/isa-ab-hamid-sworn-senator-second-term>>
- Boon, C.T. 'Srivijayan Buddhist Logic and Its Impact on the Malay Pantun' (2020) 13(1) *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.
- Braginsky V.I., *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastra Melayu dalam Abad 7-19* (Jakarta, INIS, 1998).
- Brannon D.J., 'There is That Line Again: Revealing the Pantoum in Context' <<http://stonetelling.com/issue3-mar2011/brannon-pantoum.html>>
- Daillie F.R., *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).



- Djajadiningrat R. H., *Erti Pantun Melayu yang Ghaib* (Petaling Jaya, Malaysia, 1965).
- Eizah M. H., 'Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu' (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya 2016).
- Fairclough N., *Language and Power* (London, Longman, 2013).
- Fairclough N., *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research* (London, Routledge, 2003).
- Ghaffari S., 'Discourses of Celebrities on Instagram: Digital Femininity, Self-Representation and Hate Speech (2020) 19(2) *Critical Discourse Study*.
- Halim M. Z. A., 'Bukit Lagi Bintang Berkarang: Manifestasi Puitika Sastera Melayu' (Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS), Universiti Utara Malaysia, 2-3 Jun 2021) <<https://anyflip.com/trfpm/zoqs/basic>>
- Harun M.P., 'Realiti dan Kreativiti Pantun Melayu' dalam Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. (ed.), *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat* (Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1996).
- Harun M.P., *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbincaraan Genre dan Fungsi* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989).
- Hussain E. M., Ali T. I. M. T. M., dan Jaafar S., 'Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu' (2015) 26(1) *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*.
- Ismail H., 'Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti' (2019) 30 *MANU-Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- Ismail Y., *Kesusasteraan Lama Dan Baru* (Sintok, Universiti Utara Malaysia, 2008).
- Jelani H., 'Manuskrip 'Panthong' dari Sri Lanka' (2018) <<https://waiki.blogspot.com/2013/09/manuskrip-panthong-dari-sri-lanka.html>>
- N.A., Omar A.A., Samin N.A.I., dan Hisham A. N., 'Penggunaan Pembayang Unsur Alam dalam Pantun Siber: Analisis Kelogikan' (E-Proceeding: Insan Junior Researcher International Conference (iJURECON), Nilai, 17-18 November 2020) <<https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/7436>>

- Noor N., dan Hamid B.A., 'Cyberbullying in the Name of God: Critical Discourse Analysis of Online Responses to The Act of De-Hijabbing in Malaysia' (2021) 27(4) 3L: *Southeast Asian Journal of English Language Studies*.
- Nor N.F.M., Abdul Rahman A.A.N.C., Jaludin A., Ho Abdullah I., dan Tiun S., 'A Corpus Driven Analysis of Representations Around the Word 'ekonomi' in Malaysian Hansard Corpus' (2019) 19(4) *GEMA-Online Journal of Language Studies*.
- Overbeck H. F., 'The Malay Pantun' (1922) 85 *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Pantoum < <https://poets.org/glossary/pantoum> >
- Partington S., *Corpus Analysis of Political Language* (2013).
- Razali L.S., dan Radzi S. B. M., 'Motif Maritim Dalam Pantun Melayu' (2023) 3(1) *Jurnal Tuah*.
- Salleh M.H., *Puitika Sastera Melayu Edisi Ketiga* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).
- Setyadiharja R., *Khazanah Negeri Pantun* (Yogyakarta, Deepublish, 2020).
- Setyadiharja R., 'Pantun: Transformasi dari Tradisi Lisan, Tradisi Tulisan Hingga ke Seni Pertunjukan: Studi pada Pantun Melayu di Provinsi Kepulauan Riau' (2016) *Pekan Sastra Wilayah Sumatera*.
- Van Dijk T.A., 'Ideology and Discourse Analysis' (2006) *Journal of Political Ideologies*.
- Van Dijk T.A., 'Critical Discourse Analysis and Conversation Analysis' (1999) *Discourse & Society*.
- Van Dijk T.A., 'What is Political Discourse Analysis?' (1997) 11 *Belgian Journal of Linguistics*.
- Za'ba, *Ilmu Mengarang Melayu* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965).
- Zain R. M., dan Aendi N. R. N. M., 'Unsur Estetika Bahasa Dalam Novel-novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi 2012-2017' (2019) 30 *MANU-Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*.

Zainal A.B., dan Ramli R., *Pantun Warisan Rakyat* (Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2008).

Zuraimi N. A. F., 'Estetika Dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu: Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu' (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan, 2022).

Zurinah H., *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu Moden* (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).